

## **KENYATAAN MEDIA**

### **MISI KUMPUL 10,000 KILOGRAM BOTOL PLASTIK KOLABORASI SWM ENVIRONMENT DAN NEGERI FM**

**SEREMBAN, 25 OGOS 2025** – SWM Environment berkolaborasi dengan Jabatan Penyiaran Negeri Sembilan menerusi Radio Negeri FM dalam menjayakan misi mengumpul 10,000 kilogram (10 tan) botol plastik sepanjang Bulan Kemerdekaan 2025.

Kolaborasi yang julung kali diadakan antara kedua-dua belah pihak ke arah misi mencatatkan rekod dalam The Malaysia Book of Records (MBOR) bagi mencapai sasaran 10,000 kilogram botol plastik di seluruh negara sepanjang Program Jelajah Aspirasi Malaysia 2025 dan sambutan Hari Kebangsaan ke-68.

Menurut Pengurus Besar Korporat SWM Environment, Tuan Haji Mohd Norlisam Bin Haji Mohd Nordin, pihaknya menyambut baik inisiatif dan sasaran program ini yang juga selaras dengan misi SWM Environment untuk menggalakkan gaya hidup lestari dalam kalangan masyarakat.

“SWM Environment amat berbesar hati dapat bekerjasama dengan stesen radio Negeri FM yang dikenali dengan tagline “Ingat Sampai Bila-Bila”, dalam program pengumpulan dan penyediaan data di bawah program KITARecycle iaitu sebuah program kitar semula berganjaran oleh SWM Environment.

“Kerjasama dua hala ini amat bermakna kerana bukan sahaja untuk mencatatkan rekod, tetapi menjadi simbol perpaduan, tanggungjawab bersama serta semangat cintakan negara menerusi usaha kelestarian alam sekitar,” katanya.

Orang ramai, khususnya warga Negeri Sembilan, turut dialu-alukan untuk menjayakan misi ini dengan menghantar botol plastik terpakai ke 98 buah fasiliti KITARecycle di Negeri Sembilan sehingga 30 Ogos ini.

Pusat Pandu Lalu KITARecycle	Rumah KITARecycle	KITARecycle Drop-Off Collection Point	DTRC Sejati Madani
1. Pusat Pandu Lalu KITARecycle Wisma MBS	1. Rimbun Ara 2. Rimbun Vista 3. Saujana Tropika	1. Depoh SWM Environment, Jalan Haruan 8	1. Kg Baru Pajam
2. Pusat Pandu Lalu KITARecycle OSK Iringan Bayu	4. Summer 5. Vision Homes 6. Aviva Green 7. Kalista 8. Sonata	2. Perpustakaan Awam Negeri Sembilan, S2 3. Jentayu, Enstek 4. Laman Mawar, Kota Seriemas	2. Kg. Baru Nilai 3. Vision Homes



3. Pusat Pandu Lalu KITARecycle Bandar Ainsdale	9. Serena 10. Pearl 11. Sakura 12. Melody 13. Suria 14. SJK(C) Tung Hua 15. SK Seremban 2A 16. SK Seremban 2B	5. Laman Cempaka Sri 1, Kota Seriemas 6. Kepayang Heights 1, Seremban 7. GUH Property, Seremban 8. Majlis Daerah Jelebu 9. Majlis Daerah Kuala Pilah	
4. Pusat Pandu Lalu KITARecycle Nilai Impian			
5. Pusat Pandu Lalu KITARecycle Tampin			
6. Pusat Pandu Lalu KITARecycle Port Dickson			
7. Pusat Pandu Lalu KITARecycle, d'Tempat			

Katanya, menerusi inisiatif ini diharap dapat menggalakkan serta memberi pendedahan awal kepada masyarakat untuk mengamalkan aktiviti pengasingan sisa di punca dengan mengasingkan barangan yang boleh dikitar semula seperti botol plastik terpakai sebagai satu usaha kelestarian mengelakkan bahan-bahan ini dihantar dan dilupuskan ke tapak pelupusan.

**-TAMAT-**

### **MENGENAI SWM ENVIRONMENT SDN. BHD.**

SWM Environment Sdn. Bhd. (SWM Environment) adalah syarikat konsesi yang menyediakan perkhidmatan pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam di negeri Johor, Melaka dan Negeri Sembilan melalui perjanjian konsesi yang dikawal di bawah Akta Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam Negara (Akta 672).

Sebagai syarikat konsesi terbesar di Malaysia, SWM Environment, melalui tenaga kerja seramai 12,000 orang, berkhidmat kepada 27 pihak berkuasa tempatan, 1.5 juta premis kediaman dan komersial dengan lebih daripada 5.1 juta orang bagi liputan geografi 28,500 kilometer persegi.

Untuk maklumat korporat yang lebih lanjut, sila layari laman web: [www.swm-environment.com](http://www.swm-environment.com).

Dalam usaha mengurangkan sisa yang dijana oleh masyarakat dihantar dan dilupuskan di tapak pelupusan, SWM Environment secara giat mempromosikan program-program komunikasi, pendidikan dan kesedaran awam (CEPA) berimpak tinggi yang menjurus kepada kelestarian dan pemeliharaan alam sekitar termasuk Pengasingan Sisa Di Punca (SAS),



pendigitalan program kitar semula berganjaran dan pengkomposan sisa makanan bagi meningkatkan kesedaran awam ke arah Ekonomi Kitaran (Circular Economy).

Pada 2018, SWM Environment telah memperkenalkan program kitar semula berganjaran iaitu KITAREcycle di Negeri Sembilan, Melaka dan Johor. KITAREcycle bertujuan menggalakkan orang ramai untuk mengasingkan barangan yang boleh dikitar semula seperti kertas, plastik dan tin aluminium dan memperoleh mata ganjaran (RP) yang boleh ditebus kepada tunai melalui perbankan dalam talian.

Orang ramai boleh memuat turun aplikasi KITAREcycle melalui Apple Store dan Google Play Store. Sila layari laman web: [www.kitarecycle.com](http://www.kitarecycle.com) untuk mendapatkan maklumat lanjut.

**Untuk keterangan lanjut, sila hubungi:**

**Puan Nurul Liza Binti Mohd Najib**

Pengurus

Jabatan Komunikasi Korporat & Hal Ehwal Kerajaan (Negeri Sembilan & Melaka)

SWM Environment Sdn. Bhd. (Pejabat Wilayah Negeri Sembilan)

Tel : 06 – 601 4280/ 012 – 684 7168

E-mel : [nurulliza.najib@swmsb.com](mailto:nurulliza.najib@swmsb.com)